

Akan rampas tanah

GOMBAK - Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak dalam proses merampas semula tanah yang disalahgunakan dari tanah pertanian kepada kediaman di Kampung Sungai Salak di sini.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, keputusan dibuat sewaktu lawatan tapak beberapa hari sebelum kejadian banjir melibatkan beberapa kawasan di sini baru-baru ini.

Menurutnya, projek dijalankan secara haram itu menyebabkan sungai tercemar dan gangguan air bersih di Wangsa Maju.

"Notis 7A telah dikeluarkan kepada pemilik yang membenarkan projek pem-

angunan dijalankan sebelum menukar syarat tanah. Selepas 7A tindakan akan disusuli notis 7B dan 8A iaitu gazet kepada tanah kerajaan negeri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau mengulas bantahan penduduk Kampung Sungai Salak yang menjadi mangsa banjir lumpur disebabkan projek tarah bukit berhampiran.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohd Azizi Mohd Zain berkata, pihaknya ada menerima permohonan dari pemaju untuk beberapa projek pembangunan sekitar Sungai Salak dan Sungai Pusu namun hanya satu kelulusan bersyarat dikeluarkan daripada lima yang dimohon.